

Mohon Wisma Putra kembalikan 47 rakyat Malaysia ditipu sindiket pemerdagangan

# Ibu rayu bawa pulang anak

KOSMO - 8/2/19 (M/S 9).



ZUNITA menunjukkan gambar anaknya Yusuf (kanan) bersama 46 lagi rakyat Malaysia yang ditahan pihak berkuasa Kemboja dipercayai ditipu sindiket pemerdagangan manusia.

**KUCHING** - Ibu kepada enam anak, Zunita Sedini merayu bantuan kerajaan untuk membawa pulang anak sulungnya, Yusuf Islam bersama 46 lagi rakyat Malaysia yang ditahan pihak berkuasa Kemboja sejak 16 Disember lalu selepas dipercayai ditipu sindiket pemerdagangan manusia.

Zunita, 45, berkata, anaknya yang baru habis menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dijanjikan peluang pekerjaan dengan bayaran lumayan sehingga AS\$1,500 (lebih RM6,000) namun semuanya hanya sandiwara.

Katanya, sebaik tiba di Kemboja, anaknya tidak mendapat pekerjaan seperti yang dijanjikan.

"Setibanya di sana, mereka ditempatkan di sebuah rumah persendirian. Se-

lepas menunggu beberapa minggu tiada apa-apa yang berlaku dan kemudian mereka ditahan oleh polis Kemboja.

"Mesej yang saya terima ketika menghubunginya kali terakhir pada 25 Disember lalu adalah 'mak saya kena tahan, tolong kami 47 orang rakyat Malaysia'.

"Saya minta tolong dan merayu kepada Wisma Putra untuk membawa balik kesemua 47 rakyat Malaysia yang tidak bersalah itu pulang," katanya.

Sementara itu, Anggota Parlimen Julau, Larry Soon akan mengetengahkan nasib malang yang menimpa 47 rakyat Malaysia berumur antara 18 hingga 21 tahun itu disyaki menjadi mangsa sindiket pemerdagangan manusia dan kini ditahan di sebuah penjara

di negara terbabit.

Larry mendakwa, kesemua mereka telah ditahan tanpa bicarakan di mahkamah dan perkara itu tidak dimaklumkan kepada pihak kedutaan Malaysia di sana.

"Mereka ditahan kononnya atas tuduhan permainan perjudian dalam talian dan 47 rakyat Malaysia itu juga menafikan tuduhan itu.

"Daripada 47 mangsa itu, 44 daripadanya berasal dari Sarawak manakala bakinya dipercayai dari Semenanjung Malaysia dan majoritinya adalah lelaki," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Tambah Larry, 47 mangsa itu ditahan selama seminggu di lokap polis dan dipindahkan ke penjara terletak kira-kira 446 kilometer dari Phnom Penh.

- Bernama